

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL  
ANUAR BIN WAN AHMAD  
(KUALA KANGSAR)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN  
AHMAD [ KUALA KANGSAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN**  
menyatakan apakah rasionalnya had umur pengeluaran caruman  
KWSP ditingkatkan sedangkan itu adalah hak pendeposit dan  
bukannya hak institusi.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rasional KWSP memperkenalkan inisiatif untuk menaikkan had pengeluaran penuh dari 55 tahun kepada 60 tahun adalah bagi menangani isu-isu berkaitan ketidakcukupan simpanan

persaraan di kalangan ahli KWSP dalam jangka panjang. Ini antara lain disebabkan oleh faktor jangka hayat dan tempoh persaraan yang semakin meningkat, peningkatan kos sara hidup, wang simpanan tidak mencukupi untuk menampung tempoh persaraan serta kesedaran dan pengetahuan tentang kepentingan perancangan kewangan dan persaraan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan pada 23 April 2015 telah mengumumkan bahawa umur pengeluaran penuh simpanan ahli dikekalkan pada 55 tahun manakala caruman baru bagi ahli yang masih bekerja selepas umur 55 tahun boleh dikeluarkan pada umur mereka 60 tahun.